

Memupuk nilai kasih sayang

Program Komuniti dan Budaya Kelab Kreatari, FPP di Tinangol



UB 210.2019 15
MATUNGGONG: Program Komuniti dan Budaya Kampung Tinangol anjuran Kelab Kreatari, Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) pada 21 hingga 22 September lalu berjaya dilaksanakan dengan kerjasama Jiran Wanita (KRT) Gumantung, Kampung Tinangol Daerah kecil Matunggong.

Program ini disertai oleh empat pensyarah, seorang kakitangan pentadbiran dan 25 pelajar daripada Fakulti

Psikologi dan Pendidikan. Antara pensyarah yang terlibat ialah penyelaras program dan Kelab Kreatari Dr. Getrude Cosmas, pensyarah kursus Psikologi Komuniti (PB30803), Program Pembangunan Belia dan Komuniti (HA16) Dr. Lailawati Md Edalan dan pensyarah kursus Praktis Kerja Sosial:Komuniti (PS30903), Program Kerja Sosial (HA52). Wanda Kiyah Thomas serta Mohd Hazik Mohamed.

Ahli rombongan UMS disambut dengan tarian Mongingol dan Sumundai, diiringi muzik tradisi etnik Rungus disusuli ucapan aluan daripada Pengerusi Rukun Tetangga (KRT) Gumantung, Kg Tinangol Ghani Mohamad dan Hanna Porodong yang merupakan setiausaha Jiran Wanita

KRT Gumantung, Kg Tinangol, memperkenalkan semua ahli yang hadir.

Acara diteruskan lagi dengan sesi perkenalan rombongan UMS oleh pengarah program Antonio Anthoney, pelajar Tahun 3, Program HA16 termasuk Penyelaras Program Komuniti dan Budaya, Dr Getrude Cosmas.

Sesi perkenalan diakhiri dengan persembahan lagu komuniti oleh semua ahli rombongan FPP, UMS.

Program Komuniti dan Budaya ini merupakan aktiviti pertama yang berjaya dilaksanakan di bawah Kelab Kreatari sejak kelab ini ditubuhkan dan berdaftar di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS pada Julai 2019.

Semua aktiviti yang dijalankan memfokuskan

kepada seni dan budaya etnik Rungus. Aktiviti utama yang dijalankan adalah mengubah manik boduvan. Gubahan manik boduvan sememangnya suatu yang sinonim dengan etnik Rungus yang memang terkenal sebagai penggubah manik sejak awal tahun 1950an lagi.

Selain mempelajari gubahan manik bagi menghasilkan bendera Malaysia, pelajar turut berpeluang berinteraksi dengan ahli komuniti KRT dan mengetahui secara lebih mendalam lagi tentang seni dan budaya etnik Rungus daripada ahli Jiran Wanita, KRT semasa aktiviti gubahan manik.

Menerusi gubahan manik boduvan, pelajar juga berpeluang mempelajari tiga jenis tarian etnik iaitu tarian Mongingol dan Sumundai, Manaradan dan Mogunatip semasa malam kebudayaan di Maranjak Longhouse Lodge.

Hal ini diakui sendiri oleh pelajar Tahun 3 Zaiton Nur Aqilah Zainal, Program HA16 yang berasal dari Kuala Lumpur.

Menurut beliau penggubah perlu membuka dan menyusun kembali manik bagi mendapatkan susunan dan corak yang tepat.

Salah seorang pelajar Tahun 2, Johanis Jaini, Program HA16 yang berasal dari Kudat berpendapat bahawa aktiviti gubahan manik merupakan suatu

yang kreatif dan baharu.

Sementara, pelajar Tahun 3, Sylvester Sakim, Program HA52 berpendapat bahawa gubahan manik ini merupakan suatu kemahiran dan pengalaman baharu yang menyeronokkan.

Pada awalnya beliau berasakan mengubah manik ini suatu yang sukar. Namun menerusi dorongan dan tunjuk ajar daripada ahli Jiran Wanita KRT, aktiviti ini menjadi suatu perkara yang menyeronokkan.

Pendapat yang sama juga dikongsi oleh pelajar Sarjana Pengurusan Pendidikan, FPP, Tisebio Anak Tiop yang berasal dari Sarawak.


Selain aktiviti gubahan manik boduvan, pelajar juga berpeluang mempelajari tiga jenis tarian etnik iaitu tarian Mongingol dan Sumundai, Manaradan dan Mogunatip semasa malam kebudayaan di Maranjak Longhouse Lodge.

Semasa aktiviti ini, pelajar berpeluang mempelajari tarian dan makna setiap tarian yang dipersembahkan serta pakaian tradisi yang dipakai. Peluang seumpama ini dapat membantu pelajar untuk mengenali lebih dekat lagi tentang etnik Rungus.

Pada keesokan harinya pula pelajar melawat ke G Wonder Khayalan Home Art Gallery milik seorang pelukis tempatan Sabah



CENDERAHATI: Penyerahan cenderahati dari UMS kepada Rainah Makuja, Pengerusi Jiran Wanita, Gumantung, Kg Tinangol.



FOKUS: Aktiviti mengubah manik boduvan.

iaitu Jainal Amambing yang memenangi anugerah lukisan pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

Selain mengikuti aktiviti seni dan budaya seperti gubahan manik boduvan, mempelajari tarian tradisi dan lawatan ke galeri seni, pensyarah dan pelajar yang mengambil kursus Psikologi Komuniti (PB30803) dan kursus Praktis Kerja Sosial:Komuniti (PS30903) juga berpeluang untuk mendapatkan informasi

daripada ahli Jiran Wanita KRT mengenai program komuniti susulan yang akan dirancang pada semester ini sesuai dengan keperluan

dan kehendak komuniti.

Program Komuniti dan Budaya ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada ahli rombongan FPP yang terlibat dari segi pengalaman dan pengetahuan seni budaya yang mengkhusus kepada etnik Rungus.

Sokongan dan kerjasama daripada Dekan Psikologi dan Pendidikan Prof. Ismail Ibrahim dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar Kamisah Husin telah banyak membantu menjayakan program Komuniti dan Budaya dari awal perancangan sehingga pelaksanaan. - Artikel sumbangan Dr. Getrude Cosmas



PESERTA: Rombongan peserta program Komuniti dan Budaya yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan FPP.